



الجامعة التقنية الماليزية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN PEMIKIRAN & KEPIMPINAN **MELAYU** 2013

Terbitan:



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Prosiding Seminar Penyelidikan Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu
Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan Malaysia.
Tel: 03-5522 5448 / 5515
Fax: 03-5522 5489
e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks

ISBN 978-967-11172

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam prosiding ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemosykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya. Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Ketua Editor:

Dr. Samsudin Wahab

Senarai Editor:

Prof Madya Dr. Rozi Malim

Prof Madya Dr. Ghazali Daimin

Prof Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

Hasan Abdullah

Fairul Nazmie bin Osman

Norhayati Hussin

Grafik:

Mohd Husni Mohd Som

Mohd Hafiz Ab Satar

Hussien Harnis

JADUAL KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global <i>Dr Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali dan Hasan Abdullah</i> <i>FELO, Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu IMPAK</i>	3-10
Peranan Komunikasi Visual dalam Perpaduan Melayu <i>Prof. Madya Dr Ghazali Daimin, IMPAK</i>	11-15
Bangsa Melayu dan Orang Jawi Menurut Kitab Turath Arab <i>Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil, CITU, UiTM Perak</i>	16-22
Pengaruh Status Ekonomi Keluarga Terhadap Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Melayu: Kajian terhadap pelajar Mengubah Destini Anak Bangsa <i>Zarul Azhar Nasir, Unit MDAB UiTM Perak</i>	23-29
Perbandingan Manoriti Melayu Ayutthaya & Pattani Dalam Domain Keluarga, Bahasa, Budaya, Pendidikan, Pekerjaan, Sosial & Politik <i>Prof Madya Dr Muhammad Rozi Malim, IMPAK</i>	30-42
Komunikasi Efektif Melalui Media Perantaraan Di Kalangan Masyarakat Melayu Melaka <i>Raha Radzi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka</i>	43-57
Estetika Melayu dalam Seni Moden Malaysia <i>Nurkhazilah Idris, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Kuala Terengganu</i>	58-67
Kajian Budaya Dan Fundamental Terhadap Seni Lukisan Kontemporari Malaysia : Masyarakat Jawi Peranakan <i>Siti Nur Izaura Bt Mohd Razis, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Shah Alam</i>	68-77
Atlet Bumiputera: Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Dalam Sukan <i>Dr. Vincent A. Parnabas, Fakulti Sains Sukan, UiTM Shah Alam</i>	78-77
Pembentukan Kerangka Sosio-Budaya Anthropologi Terhadap Budaya Masyarakat Minangkabau Di Malaysia <i>Nurul Shima Taharuddin Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Perak</i>	84-90
Budaya dan Tradisi Seni Anyaman Melayu <i>Noor Hafiza Ismail, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Terengganu</i>	91-97
Manifestasi Pandangan Dunia Melayu Dalam Rupa Dan Jiwa Seni Catan Wanita Melayu <i>Liza Marziana Haji Mohammad Noh, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Melaka</i>	98-106
Strategi Pujuk Rayu Dalam Perkahwinan: Tanggapan dan Pengalaman Lelaki Melayu Dalam Konteks Komunikasi Interpersonal <i>Hariyati Ariffin, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam</i>	107-118

BUDAYA DAN TRADISI SENI ANYAMAN MELAYU

Noor Hafiza Ismail
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
UiTM Kuala Terengganu

noorh728@tganu.uitm.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat melayu terdahulu terkenal dengan bangsa yang kreatif dan berdaya saing dalam bidang seni kraf sehingga terhasilnya pelbagai jenis anyaman yang sangat dikagumi sehingga ke hari ini. Penghasilan anyaman secara tidak langsung menjadi salah satu sumber pendapatan masyarakat kampung dan negara dalam bidang pelancongan. Ia dapat menaikkan seni kraf anyaman melayu ke serantau dunia melalui para pelancong yang datang ke Malaysia. Penghasilan anyaman tradisi dari pelbagai sumber bahan mentah yang terdapat di alam rimba Malaysia turut mempengaruhi proses penghasilan rekabentuk produk yang unik dan menarik. Oleh itu, aktiviti anyaman tradisi melayu perlu dipelihara supaya generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai seni anyaman warisan. Tanpa pelbagai usaha yang berterusan seni anyaman ini akan terus pupus ditelan arus permodenan yang sentiasa bergerak pantas. Walaupun seni anyaman mengalami persaingan sengit dengan penghasilan pelbagai jenis barang moden yang lebih tahan lama, ringkas dan murah namun ia tetap harus dipertahankan memandangkan tanpa sebarang warisan sesuatu bangsa itu tidak akan dipandang tinggi oleh masyarakat luar. Anyaman turut menjadi kebanggaan masyarakat melayu yang mana ia memaparkan masyarakat melayu pada ketika itu diantara golongan bijak pandai. Ini kerana pada ketika itu,masyarakat tanah melayu belum memberi penekanan dalam bidang pendidikan seperti pada hari ini tetapi mereka masih mampu menghasilkan pelbagai jenis anyaman yang memerlukan ketangkasan dalam pengiraan. Ini menunjukkan kehebatan masyarakat terdahulu dalam menghasilkan sesuatu yang dapat digunakan sehingga ke hari ini disamping mempunyai nilai estetik yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Kata kunci: Budaya, tradisi, anyaman.

1.0 PENGENALAN ANYAMAN

Malaysia merupakan sebuah negara bertuah kerana dikurniakan hutan rimba yang didiami oleh pelbagai jenis alam semula jadi terdiri daripada beribu-ribu spesis flora dan fauna.Kesuburan hutan khatulistiwa ini turut menghasilkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang bernilai tinggi di pasaran dunia disamping dapat digunakan di dalam perubatan traditional yang menjadi salah satu dari budaya masyarakat melayu di kampung. Bagaimanapun, tumbuhan-tumbuhan yang pernah menjadi buruan masyarakat kampung telah dikomersilkan ke peringkat antarabangsa sama ada dalam perubatan moden mahupun pemakanan seperti pokok tongkat Ali yang dikenali dengan nama saintifik sebagai *Eurycoma Longifolia Jack* (Muhamad Zakaria & Mustafa Ali Mohd, 1994). Secara tidak langsung menyediakan pelbagai jenis sumber hutan yang berkualiti kepada orang asli, masyarakat kampung dan rakyat menambah pendapatan ekonomi mereka. Selain daripada kekayaan hutan rimba, Malaysia yang dikenali sebagai tanah melayu suatu ketika dahulu turut diakui didalam catatan Ptolemy sebagai *golden khersonese* yang bermaksud semenanjung emas. Bersesuaian dengan kedudukan peta muka bumi yang terletak di antara laluan persinggahan para saudagar yang dalam perjalanan pergi dan pulang ke China dan India ketika itu. Manakala di dalam kesusasteraan india iaitu Ramayana dan Jataka sebagai *Suwarnadwipa* iaitu semenanjung emas atau *Suvarnabhumi* sebagai bumi emas (Ahmad Jelani Halim, 2008).

Kekayaan hasil rimba turut melahirkan budaya mengayam dikalangan masyarakat kampung suatu ketika dahulu. Pada ketika itu, masyarakat kampung terkenal dengan aktiviti mengayam yang dilakukan oleh setiap ahli rumah yang mana ia dijalankan di kawasan persekitaran rumah secara persendirian mahupun berkumpulan. Anyaman yang dihasilkan terdiri daripada rotan, benbam, buluh, lidi dan ribu-ribu. Aktiviti anyaman yang dijalankan turut menjadi salah satu cara mengeratkan hubungan sesama masyarakat. Melalui perhubungan yang dijalankan dapat mengeratkan lagi kemesraan diantara anggota masyarakat disamping dapat mengelakkan berlakunya pertelingkahan sesama sendiri. Di Malaysia bahan mentah bagi menghasilkan anyaman boleh didapati di merata tempat yang sesuai dengan pertumbuhannya seperti rotan dan buluh boleh diperolehi dikawasan hutan. Namun begitu, terdapat juga rotan-rotan yang dapat diperolehi di kawasan rumah di sekitar kampung. Manakala pokok benbam pula tumbuh meliar di kawasan hutan berpaya yang banyak terdapat di Sarawak. Lidi pula mudah diperolehi di merata tempat di kawasan kampung-kampung mahupun pesisir pantai yang mana pokok kelapa tumbuh dengan subur di kawasan tersebut. Selain itu, pokok ribu-ribu pula tumbuh meliar dikawasan hutan dan semak samun. Pokok mengkuang biasanya tumbuh subur di kawasan lembap dan berpaya manakala pokok pandan pula hidup subur dikawasan pesisiran pantai.

Aktiviti anyaman yang dijalankan melahirkan satu bentuk budaya dikalangan masyarakat. Ia merujuk kepada maksud budaya itu sendiri hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh sekelompok manusia sahaja tetapi merangkumi semua aspek yang meluas di dalam kehidupan sehari-hari manusia. Seterusnya menjadi ikutan kepada manusia yang lain sehingga mengembangkan sesuatu aktiviti yang dijalankan tersebut. Perkataan budaya itu sendiri berasal dari perkataan Sanskrit yang bermaksud ‘kecerdasan akal dan fikiran’. Oleh yang demikian kebudayaan menjadi satu bentuk yang dapat menjana kekuatan dalaman manusia dalam menghasilkan pemikiran yang kreatif dan dinamik. Kebudayaan turut mempengaruhi aktiviti dalaman seseorang sama ada dari segi peribadi mahupun perilaku manusia itu sendiri didalam kehidupan sehari-hari (Alo Liliweri, M.S., 2002). Budaya turut berkait rapat dengan nilai dan lingkungan yang melahirkan pandangan hidup serta turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang. Ia saling mempengaruhi dan bergantungan dalam kontek interaksi sosial dan bukan sosial (K.H. Toto Tasmara, 2002). Tingkah laku memainkan peranan yang angat penting dalam pembentukan budaya hasil dari sebarang tindakan yang dilakukan membentuk tindakan sosial yang akan menzahirkan suatu budaya (Rohani Sulaiman, 2009).

Kebudayaan turut boleh berubah sebagaimana manusia sering berubah-ubah mengikut peredaran masa dan persekitaran. Begitu juga dengan budaya yang sering berubah mengikut peredaran zaman bersama masyarakat. Ia saling bersangkut paut dengan cara hidup, kegiatan harian serta adat sesuatu kelompok mahupun masyarakat setempat. Kebudayaan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek yang merangkumi aktiviti sosial yang dilakukan sehingga terhasilnya budaya. Seterusnya menjadi warisan yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi yang seterusnya dan menjadi cara hidup sesuatu masyarakat dalam kehidupan sehari-hari sehingga mempengaruhi perilaku mereka. Segala aktiviti yang dijalankan pula melahirkan satu bentuk meluahkan perasaan yang terhasil secara komunikasi di antara perekat dengan barang yang dihasilkan. Seterusnya melahirkan budaya interaksi diantara manusia dengan aktiviti yang dijalankan (Mudji Sutrisno & Hendar Putranto, 2005).

Menurut kamus Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) tradisi merujuk kepada sesuatu kebiasaan yang dilakukan seperti adat mahupun kepercayaan yang kekal secara turun temurun. Tradisi turut menjadi sesuatu amalan yang sudah sebatи dengan sesuatu golongan masyarakat mahupun kumpulan yang tertentu. Malahan menjadi sesuatu identiti kepada sesuatu adat istiadat mahupun kebiasaan yang dilakukan di dalam sesuatu masyarakat sama ada pada suatu ketika dahulu mahupun ketika ini (Heinz Frick & Petra Widmer, 2006). Tradisi turut diterjemahkan sebagai pewarisan yang mana meneruskan perkara-perkara yang dilakukan oleh orang yang terdahulu sehingga menjadi adat istiadat kepada masyarakat yang seterusnya. Bagaimanapun, tradisi turut boleh berubah berpandukan kepada perbuatan yang dilakukan oleh golongan manusia mahupun masyarakat. Ini kerana tradisi yang terhasil itu terbentuk dari manusia itu sendiri yang melakukan sesuatu tradisi itu dan ia boleh berubah mengikut manusia itu juga. Manusia yang mencipta sesuatu tradisi, oleh itu mereka turut berhak untuk menolak, menerima mahupun mengubah sesuatu tradisi yang telah sedia ada (C.A. Van Peursen, 1988).

2.0 ANYAMAN MELAYU

Anyaman merupakan satu daripada pelbagai teknik yang digunakan dalam penghasilan kraftangan masyarakat Melayu. Anyaman turut dikenali dengan anyaman angkat yang mana teknik mengayam dalam aktiviti mengikat helai atau bilah anyam satu, dua, tiga atau empat bagi mewujudkan mata anyaman kelarai atau dikenali juga sebagai motif. Anyaman merupakan teknik-teknik dalam menjalur helaian bilah daun, lidi, rotan, akar, buluh atau beberapa jenis tumbuhan lain dengan cara menyusun secara bersilang diantara satu helaian dengan helaian yang lain. Dalam kajian ini penekanan diberikan pada penggunaan motif, rekacorak dan pengaruh penghasilannya dalam budaya anyaman tradisi sehingga menghasilkan pelbagai jenis barang anyaman warisan melayu yang mempunyai nilai estetik yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

i) Bahan Anyaman

Terdiri dari pelbagai jenis bahan mentah yang dapat menghasilkan pelbagai jenis barang yang sangat menarik hasil dari sumber alam kurniaan illahi ini. Setiap jenis anyaman ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri mengikut jenis yang boleh dikenalpasti seperti anyaman mengkuang, pandan, rotan, bemban, buluh, lidi dan ribu-ribu. Setiap jenis anyaman ini digunakan bagi menghasilkan barang-barang yang tertentu mengikut kesesuaian bahan dan sebagainya.

Berikut dinyatakan jenis-jenis anyaman yang boleh didapati di pasaran Malaysia mengikut fungsi yang tersendiri:-

Jenis Anyaman	Bahan	Hasil Anyaman
Anyaman Mengkuang	Dapat diperolehi dari pelbagai jenis spesis daun Mengkuang.	Tikar, tudung saji, bekas pakaian dan sebagainya.
Anyaman Pandan	Terdiri dari pelbagai jenis spesis daun pandan yang menghasilkan barang sahaja kerana terdapat juga jenis pandan yang digunakan dalam makanan dan perhiasan sahaja.	Tikar sembahyang, tikar biasa dan hiasan dinding.
Anyaman Rotan	Diambil dari aneka jenis rotan yang sesuai mengikut kematangannya yang mana ia perlu dipotong dan dinipiskan terlebih dahulu sebelum menghasilkan barang.	Bakul, perobot, bekas pakaian dan sebagainya.
Anyaman Benbam	Tumbuhan yang terdiri dari dua jenis iaitu benbam air atau benbam darat.	Ia banyak ijadikan sebagai tupas/bidai (dinding yang yang menggunakan ragam hias kelarai)
Anyaman Buluh	Buluh mempunyai pelbagai jenis dan spesis. Oleh itu anyaman daripada buluh perlu mengikut jenis dan kesesuaianya.	Bakul, bekas pakaian, beg dan lain-lain.
Anyaman Lidi	Dapat diperolehi daripada lidi kelapa yang telah dibuang daunnya.	Lekar, bekas buah dan bekas telor.
Anyaman Ribu-Ribu	Hasil dari pokok paku pakis ribu-ribu.	Tempat tembakau, bekas sireh, terendak, bakul, dompet, bekas serba guna dan lain-lain.

Perbezaan jenis-jenis anyaman mengikut kegunaannya.


Setiap jenis anyaman ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang mana salah satu darinya kita dapat lihat pada anyaman pokok ribu-ribu. Pada kebiasaannya pokok ribu-ribu tumbuh meliar di kawasan hutan dan semak samun. Bagaimanapun, pokok ini sebenarnya mempunyai nilai yang tinggi seandainya diusahakan dengan penuh kesungguhan dalam penghasilan produk kraftangan.



Contoh pokok ribu-ribu yang tumbuh dikawasan kampung
Dengan hasil barang kraftangan.

ii) Motif



Terhasil daripada proses pengulangan imej yang sama atau dikenali sebagai rupa bentuk yang kecil. Bentuk tersebut disusun secara berstruktur iaitu mengikut urutan yang telah ditetapkan sehingga membentuk satu reka corak (Ismail Ibrahim, 2007). Penghasilan motif ini juga dikaitkan dengan perihal penyusunan sesuatu benda yang mana ia melibatkan aktiviti penyusunan reka bentuk organik dan geometrik. Penyusunan motif yang berlaku secara pengulangan ini secara fitrahnya turut melibatkan unsur-unsur yang terdapat didalam elemen reka bentuk seperti garisan, rupa, bentuk, nilai dan warna (Haziyah Husin, 2006).



Contoh tudung saji menggunakan motif kapal.

iii) Rekacorak

Rekacorak tidak akan terhasil dengan sendirinya kerana ia saling berkaitan dengan motif dan saling memerlukan diantara satu sama lain bagi menghasilkan sebuah anyaman yang sempurna. Penghasilan motif secara berulangan akan menghasilkan satu rekacorak yang sangat unik dimana ia dapat dilihat secara menyeluruh.



Contoh anyaman biasa yang tidak berwarna, mempunyai satu jenis warna
dan dua jenis warna.

Berikut merupakan contoh anyaman kelarai yang dihasilkan bagi mendapatkan motif dan corak yang bertanggungjawab menghiasi permukaan anyaman yang dihasilkan samaada pada sebidang tikar alas duduk atau hiasan rumah semata-mata. Anyaman jenis ini berbeza dengan anyaman biasa kerana dapat menghasilkan motif berbanding dengan anyaman biasa yang tidak mempunyai motif tetapi dapat menghasilkan rekacorak melalui penggunaan warna yang berbeza.



Kelarai mata berkait



Anyaman tikar mengkuang yang menggunakan motif gajah sedang membawa barang.

iv) Produk Anyaman

Bagi menarik minat golongan muda serta pelancong asing terhadap seni anyaman melayu, kepelbagaian jenis produk anyaman dihasilkan dan tidak hanya lagi memberi penumpuan pada anyaman tikar semata-mata. Hasil kreativiti para pengaryam amat diperlukan bagi mengikut peredaran masa serta permintaan pasaran kerana ia boleh menjamin masa depan para pengaryam.



Anyaman bakul yang dihasilkan sebagai jam dinding.



Anyaman yang dijadikan sebagai hiasan dinding

Gambaran diatas menunjukkan contoh anyaman yang telah dibingkaikan menjadi anyaman tiga siri memaparkan dimensi yang baru pada hamparan anyaman tikar. Anyaman tersebut turut dihiasi dengan satu tangkai hiasan bunga yang diperbuat daripada bahan logam yang ditampal pada permukaan anyaman tersebut. Ia bertujuan menjadikan anyaman tersebut kelihatan lebih menarik.

3.0 MAKNA DISEBALIK MOTIF DAN REKACORAK ANYAMAN

Keunikan dan kehalusan dari kerjatangan masyarakat Melayu terdahulu tidak dapat diperkatakan lagi apabila mutu kerjatangan yang dihasilkan mereka secara tidak lansung menggambarkan peribadi bangsa melayu itu sendiri. Ini kerana setiap kesenian itu melambangkan adat budaya dan ketinggian daya kreativiti sesuatu bangsa yang perlu dipertahankan. Setiap jenis motif dan rekacorak yang dihasilkan bukan sesuatu yang sia-sia tetapi mempunyai makna yang tersirat disebalik daya imaginasi yang tinggi oleh para pereka yang kekal digunakan sehingga ke hari ini. Pada kebiasaannya motif anyaman melayu terdiri daripada motif alam semulajadi, binatang, abstrak, geometric, kosmos, makanan, benda, keagamaan, kontemporari dan nama para pengaryam itu sendiri.

Berikut dinyatakan beberapa contoh motif yang terdapat didalam anyaman masyarakat melayu.

i) Motif Fauna (bontot siput)

Siput babi atau dikenali dengan nama saintifik *Achatina Fulica* yang mana merupakan salah satu dari haiwan yang berjalan lambat. Penghasilan motif dari siput babi diperolehi dari cengkerang yang mempunyai rekabentuk berpusing-pusing terdapat pada bahagian atas badannya. Bentuk motif anyaman yang dihasilkan turut menyerupai bentuk asal bontot siput yang kelihatan berputar dari putaran kecil dan seterusnya menjadi putaran yang besar.



Motif bontot siput yang telah dipermudahkan daripada bentuk berlingkar pada bahagian atas siput.

ii) Motif Flora (bunga tanjung)

Penggunaan jenis bunga dikaitkan dengan sesuatu adat resam dan budaya sesuatu bangsa sejak zaman nenek moyang kita lagi sehingga ke hari ini. Di Malaysia, bunga juga digunakan didalam kehidupan seharian sesuatu bangsa sebagai pewangi dikalangan masyarakat pelbagai kaum yang berbeza adat mengikut penggunaannya yang mempunyai makna yang tersendiri. Bunga yang mewangi memberi haruman yang dapat menusuk hidung sesiapa sahaja yang terbau dimana ia dapat menaikkan rasa segar dan nyaman kepada setiap orang. Kesegaran bauan bunga semulajadi ini menjadikan bunga tanjung sebagai salah satu bunga yang sangat digemari oleh masyarakat melayu. Bunga tanjung digunakan dalam perhiasan diri dengan diletakkan diatas sanggul kepala kerana tarikan bau wangi yang sangat kuat dan tahan lama.



Motif bunga tanjung

4.0 KESIMPULAN

Kepelbagaiannya seni anyaman yang terdiri daripada mengkuang, pandan, rotan, bemban, buluh, lidi dan ribu-ribu dapat menghasilkan pelbagai jenis produk anyaman yang unik dan kreatif. Penghasilan anyaman tersebut dapat mengekspresi diri para pengaryam yang sangat halus serta mempunyai daya imaginasi yang tinggi dalam menghasilkan pelbagai produk anyaman. Barang yang dihasilkan oleh para pengaryam turut mempunyai pelbagai maksud yang tersirat dan tersurat yang mana memerlukan kita berfikir sejenak. Selain itu, penghasilan anyaman tradisi turut membantu masyarakat pada hari ini supaya tidak terlalu bergantung kepada teknologi semata-mata. Ini terbukti dengan kepakaran masyarakat terdahulu dalam menghasilkan pelbagai jenis anyaman bermula pada zaman neolitik lagi yang mana mereka mampu menghasilkan pelbagai jenis produk yang unik tanpa kewujudan teknologi seperti pada hari ini. Kepakaran masyarakat terdahulu dalam penghasilan anyaman turut memberi sumbangan besar kepada masyarakat kampung dalam usaha meningkatkan pendapatan ekonomi sampingan sesebuah keluarga.

Selain itu, seni anyaman tradisi secara tidak langsung dapat membantu para pengaryam memperluaskan lagi anyaman yang sedia ada ke peringkat yang lebih tinggi dalam usaha memelihara anyaman daripada terus hilang dari bumi Malaysia. Pelbagai usaha perlu dijalankan secara berterusan di kalangan masyarakat memandangkan seni ini akan mengalami kepupusan secara sedikit demi sedikit jika tiada sebarang usaha yang berterusan dijalankan. Penyelidikan yang dijalankan turut dapat membantu pengusaha anyaman menghasilkan pelbagai jenis anyaman yang lebih kreatif serta dapat bersaing dengan pasaran dari luar seperti Thailand, Indonesia dan Vietnam yang turut menghasilkan produk dari anyaman. Para pengusaha anyaman turut dapat memperbaiki dan mempertingkatkan mutu dan merekabentuk produk-produk anyaman yang baru mengikut permintaan pasaran yang terkini.

RUJUKAN

- Ahmad Jelani Halim (2008), Sejarah dan tamadun bangsa melayu. Selangor Darul Ehsan: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Alo Liliweri, M.S. (2002), Makna budaya dalam komunikasi antarbudaya. Yogyakarta: PT LKiS Pelangi Aksara.
- C.A.Van Peursen (1988), Strategi Kebudayaan. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Heinz Frick & Petra Widmer (2006), Membangun, membentuk, menghuni. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- K.H. Toto Tasmara (2002), Membudayakan etos kerja islami. Jakarta: Gema Insani.
- Mudji Sutrisno & Hendar Putranto (2005), Teori-teori kebudayaan. Yogyakarta: Penerbit Kansius.
- Muhamad Zakaria & Mustafa Ali Mohd (1994), Traditional Malay: Medicinal Plants. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Rohani Sulaiman (2009), Tafsiran Budaya. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Ismail Ibrahim (2007), Warisan Motif & Corak Etnik Sabah : Universiti Malaysia Sabah.
- Haziyah Hussin (2006), Motif Alam dalam Batik dan Songkek Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.